



**GARIS PANDUAN
ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT**

KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PINDAAN/PERUBAHAN

NAMA GARIS PANDUAN: GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN
PENAMPILAN KE PEJABAT

RUJUKAN FAIL : ISNM.100-1/7/4 (3)

MAKLUMAT DOKUMEN	Pemilik Dokumen	Pegawai Dokumen	Tarikh Kelulusan	Pelulus
	Unit Integriti	Noorhaminiyazura binti Noordin Nur Fakirah binti Sahidan	18/05/2023	Lembaga Institut Penggal Keenam Bil. 8/2023
REKOD PINDAAN				
Tarikh Pindaan	Keterangan Pindaan		Pegawai Dokumen	Pelulus

KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



ISN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Institut Sukan Negara (ISN) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang sering berurusan dengan pelbagai kumpulan pelanggan, jabatan dan agensi selain daripada atlet dan jurulatih dalam melaksanakan tugas harian. Selaras dengan itu, adalah penting untuk ISN mewujudkan budaya yang profesional melalui imej penampilan diri warga kerjanya dalam memberi persepsi positif untuk mencerminkan kredibiliti organisasi. Pakaian yang dipakai haruslah sederhana dan tidak keterlaluan 'over-dressed' atau kurang sopan 'under-dressed'.


Berlandaskan kepada pekeliling dan peraturan kerajaan yang berkuatkuasa, adalah perlu diwujudkan Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat sebagai rujukan dalam usaha untuk melaksanakan *team* ISN yang berketerampilan kemas dan profesional serta menyakinkan ketika bertugas rasmi di dalam atau di luar pejabat bagi menonjolkan imej korporat ISN.

Akhir kata, saya menyeru semua *team* ISN supaya mengikut garis panduan ini selari dengan usaha untuk mempertingkatkan imej korporat, sahsiah dan nilai moral *team* ISN dalam memacu penyampaian perkhidmatan ke arah Kecemerlangan Sains, Perubatan dan Teknologi Sukan yang unggul di Malaysia.



ISI KANDUNGAN

OBJEKTIF	3
LATAR BELAKANG	3
TAFSIRAN	3
PEMATUHAN ARAHAN	4
KOD PAKAIAN	5
PERKARA YANG DILARANG	26
TIPS TAMBAHAN	29
PENUTUP	32



OBJEKTIF

Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat ini bertujuan untuk memberi gambaran tatacara berpakaian dan penampilan yang perlu dipatuhi oleh *team* Institut Sukan Negara (ISN) semasa menjalankan tugas rasmi dan semasa menghadiri majlis-majlis rasmi.

Cara berpakaian dan penampilan yang kemas, bersih dan bersesuaian melambangkan keperibadian unggul dan profesionalisma seseorang pegawai/staf akan memberikan imej yang baik untuk ISN dan memperkukuhkan persepsi serta keyakinan dengan pihak yang berurusan.

Garis panduan ini juga adalah kesinambungan daripada arahan-arahan, peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa berkaitan dengan etika dan tatacara pemakaian ke pejabat / tugas rasmi bagi menambah baik pemahaman dan pematuhan mengikut bidang tugas ISN.

LATAR BELAKANG

INSTITUT SUKAN NEGARA adalah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan melalui Akta 729 pada tahun 2011. Peraturan-peraturan yang diguna pakai adalah berpandukan kepada arahan, peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling Kerajaan dan dalaman yang berkuatkuasa.

TAFSIRAN

‘ISN’ bermaksud Institut Sukan Negara.

‘Pegawai/staf’ bermaksud seseorang yang dilantik dan berkhidmat dengan ISN sama ada lantikan tetap, kontrak, sementara, pinjaman atau sambilan.

‘Pakaian Seragam’ bermaksud pakaian rasmi yang dibekalkan oleh pengurusan ISN mengikut reka bentuk dan warna sebagaimana yang telah ditetapkan pemakaiannya bagi jawatan tertentu yang telah dikenalpasti.





‘Ketua Jabatan’ ialah seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu bahagian, cawangan, pusat atau unit di ISN.

‘Baju Korporat’ ialah pakaian rasmi yang direka khas dengan perletakan logo ISN.

‘Baju-t’ ialah baju-t rasmi yang direka khas dengan logo ISN dan ditaja oleh rakan kongsi atau pakaian yang dibekalkan oleh pengurusan/Bahagian.

PEMATUHAN ARAHAN

Di dalam garis panduan ini, kod etika pakaian adalah berdasarkan peraturan-peraturan Badan-Badan Berkanun dan pekeling Kerajaan yang berkuat kuasa. Penghasilan kod etika berpakaian ISN adalah berlandaskan penambahbaikan dengan menggunakan peraturan semasa berikut:

-  Akta 605, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcay 2000), Bahagian II (Tatakelakuan), Peraturan 5. Etiket Pakaian.
-  Surat Arahan Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) rujukan KBS.UI.1-1/99/4 Jld.5(34) bertarikh 4 Jun 2015, Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat di Kementerian Belia dan Sukan;
-  Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021, Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan;
-  Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM); Tatakelakuan dan Tatatertib Pegawai Awam, Versi 1.0 (2022); Ceraian U.P. 7.2.3 Etika Berpakaian dan Penampilan Pegawai Awam.
-  Arahan / Peraturan dalaman yang dikeluarkan oleh Institut dari semasa ke semasa;
-  Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1990, Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1995; dan
-  Akta / Peraturan Perkhidmatan berkaitan serta pindaannya.

KOD PAKAIAN

Berkuat kuasa 15 Mac 2021 (Pindaan 23 Mac 2021 dan 30 Januari 2023 - MPT)

TUJUAN

1

Menetapkan jenis pakaian yang dibenarkan oleh Institut mengikut kod-kod yang telah ditetapkan.

2

Memastikan keseragaman pakaian dapat dibuat.

3

Membezakan staf dengan bukan staf dari aspek keselamatan.

4

Mempromosi dan menonjolkan imej korporat baharu Institut.

KOD A: PAKAIAN KE PEJABAT

Pilihan Pakaian Yang Dibenarkan

ISNIN

- Pakaian pejabat; atau
- Pakaian seragam (bagi yang berkelayakan sahaja); atau
- Blazer/Jaket FBT (biru); dan
- Seluar panjang jenis *slack/khakis* (hitam/biru gelap)

SELASA

- *T-shirt* FBT (kuning); dan atau
- Jaket FBT (biru); dan
- Seluar panjang jenis *slack/khakis* (hitam/biru gelap)
- *Track bottom* (hitam/biru gelap)

RABU

- *T-shirt* jualan ISN; atau
- Pakaian pejabat; atau
- Pakaian seragam (bagi yang berkelayakan sahaja); atau
- *T-shirt* rasmi bahagian; atau
- Blazer/Jaket FBT (biru); dan
- Seluar panjang jenis *slack/khakis* (hitam/biru gelap)

KHAMIS

- Pakaian pejabat; atau
- Pakaian seragam (bagi yang berkelayakan sahaja); atau
- *T-shirt* rasmi bahagian atau
- Baju batik; atau
- Blazer/Jaket FBT (biru); dan
- Seluar panjang jenis *slack/khakis* (hitam/biru gelap)

JUMAAT

- *T-shirt* FBT (*PERFORM*-biru); dan atau
- Jaket FBT (biru); dan
- Seluar panjang jenis *slack/khakis*
- *Track bottom* (hitam/biru gelap); atau
- Pakaian kebangsaan (lengkap)

KOD B: PAKAIAN BAGI TUGASAN DI LAPANGAN/ PERKHIDMATAN

PILIHAN PAKAIAN YANG DIBENARKAN

- *T-shirt* rasmi bahagian.
- *T-shirt* program yang mengikut imej baharu korporat Institut.
(Contoh: *Women Can Coach, Beyond Coaching, FitMalaysia X, Perform VSMSS*).
- *T-shirt* jualan ISN/Kelab ISN (Contoh: *Beyond Performance* dan *Where Sport Meets Science*).
- *T-shirt* FBT (kuning).
Setiap hari Selasa.
- *T-shirt* *PERFORM* (biru).
Jaket FBT (biru).
Setiap hari Jumaat.
- *T-shirt* Harimau (jingga/hitam).
sekiranya diperlukan untuk dipakai bersama pasukan.
Seluar sukan (*track bottom*) atau seluar sukan pendek paras lutut (bagi bukan muslim).

BAHAGIAN PRESTASI SUKAN



T-Shirt Rasmi Bahagian

T-Shirt ini dipakai oleh pegawai dan staf yang memberi perkhidmatan sains sukan, perubatan sukan dan penyelidikan sukan.

FITMALAYSIA X DAN AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN

T-Shirt
FitMalaysia X



T-Shirt
Too Fit To Quit



T-Shirt
Beyond Coaching



T-Shirt
Women Can Coach

PAKAIAN SERAGAM MENGIKUT FUNGSI

Penolong
Pegawai
Perubatan



Juru
X-ray



Pemandu



Teknikal ICT



KOD C: PAKAIAN BAGI MENGHADIRI MAJLIS RASMI ANJURAN INSTITUT

PILIHAN PAKAIAN YANG DIBENARKAN



T-shirt
FBT PERFORM



Jaket
FBT Biru



T-shirt
FBT Kuning

- T-shirt FBT (kuning).
- T-shirt FBT PERFORM (biru).
- Jaket FBT.
- Seluar panjang jenis *slack*/khakis (hitam/biru gelap).

KOD D: PAKAIAN BAGI LAWATAN KERJA RASMI/ MESYUARAT LUAR

PILIHAN PAKAIAN YANG DIBENARKAN

- Pakaian pejabat.
- Baju batik Malaysia.
- Blazer.
- Baju korporat.
- *T-shirt* FBT (kuning).
- *T-shirt* FBT *PERFORM* (biru).
- Jaket FBT (biru).
- Seluar panjang jenis *slack*/khakis (hitam/biru gelap).

PERHATIAN

- Etika berpakaian rasmi ke pejabat perlu mengikut peraturan/pekeliling Kerajaan atau dalaman yang berkuatkuasa.
- Lain-lain pakaian selain dari Kod A, B, C dan D (contoh: *t-shirt* Kelab ISN (*maroon*), *t-shirt* Al-Ikhsan, Sukan Badan-Badan Berkanun (SUKANUN) dan Festival Sukan Malaysia (FESMAS) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Hanya staf yang bertugas secara *hands-on* di pejabat (contoh: petugas gimnasium, *masseur*, fisioterapi, dan seumpamanya) dibenarkan memakai pakaian mengikut Kod B pada setiap hari.
- Pelajar praktikal yang tidak dibekalkan *t-shirt* FBT (kuning dan biru) dibenarkan memakai pakaian pejabat atau *t-shirt* jualan ISN atau Kelab ISN (setiap hari Selasa, Rabu dan Jumaat).
- Perubahan Kod Pakaian Rasmi ini adalah tertakluk pada arahan semasa Pengurusan Institut. Sebarang permohonan kelonggaran syarat perlu merujuk kepada Cawangan Pentadbiran terlebih dahulu.
- Pelanggaran Kod Pakaian Rasmi ini akan menyebabkan staf boleh dikenakan tindakan sewajarnya daripada Institut.
- Bagi menghadiri Majlis Rasmi dan Majlis Rasmi Beristiadat, hendaklah memakai pakaian seperti yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan atau penganjur sesuatu upacara tersebut.

**NATIONAL
SPORTS MEDICINE
CENTRE**
NATIONAL SPORTS INSTITUTE OF MALAYSIA



**PUSAT
PERUBATAN SUKAN
NEGARA**
INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA

TEAM MAS
STRENGTH AND HONOUR

MALAYSIA BOLEH!
1

TEAM MAS
STRENGTH AND HONOUR



PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

LOUNGE SUIT

LELAKI DAN WANITA



LELAKI

1. Gabungan 2/3 *pieces* sut yang terdiri daripada daripada kot dan seluar panjang.
2. Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher.
3. Warna dan jenis kain perlu sepadan.
4. Warna sut yang digalakkan adalah warna hitam/gelap



WANITA

1. Gabungan 3 *pieces* sut yang terdiri daripada:
 - Kot
 - Kemeja
 - *Skirt* bawah paras lutut/*skirt* labuh
 - Seluar panjang
2. Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan.
3. Pilihan warna sut *skirt*/seluar panjang digalakkan warna hitam atau gelap.

PAKAIAN PEJABAT

LELAKI (KEMEJA, SELUAR DAN TALI LEHER)

KEMEJA

- Kemeja haruslah berkolar dan berlengan panjang.
- Hendaklah dibutangkan.
- Warna kemeja yang digalakkan adalah warna lembut/pastel.
- Kemeja berjalur/bercorak seeloknya dipadankan dengan tali leher tanpa corak dan sebaliknya.
- Kemeja haruslah dipadankan dengan seluar *slack* yang berwarna hitam/gelap serta tali pinggang juga berwarna hitam/gelap.
- Pemakaian tali leher adalah digalakkan untuk pegawai/staf gred 29 dan ke atas.

TALI LEHER

- Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga.
- Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju.
- Jika memakai *lounge* sut, tempat pin yang sesuai adalah searas atas saku baju.
- Jika mengenakan kain sapu tangan, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama.
- Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian *buckle* tali pinggang.
- *Buckle* tali pinggang haruslah yang bersesuaian dan tanpa corak/logo.



Terlalu tinggi Terlalu rendah Bersesuaian



BAJU BATIK

LELAKI DAN WANITA (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021)

- Baju batik adalah digalakkan dipakai di pejabat pada setiap hari Khamis.
- Batik yang dipakai hendaklah bercirikan batik Malaysia sahaja.
- Bagi lelaki, batik haruslah dipadankan dengan seluar *slack* yang berwarna gelap (Contoh: hitam/biru gelap)
- Bagi wanita, batik haruslah dipadankan dengan tudung yang bersesuaian warna atau tanpa corak.
- Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia.

PENGECUALIAN

- Pegawai/staf yang bertugas *hands on* / di lapangan.
- Pegawai/staf yang dibekalkan pakaian seragam.
- Pegawai/staf yang menghadiri majlis rasmi (persidangan antarabangsa perjumpaan dengan pelawat asing atau majlis rasmi) yang ditetapkan kod pakaian tertentu.
- Pegawai/staf wanita yang mengandung.



BATIK MALAYSIA



BATIK JAWA
TIDAK DIBENARKAN

PAKAIAN KEBANGSAAN/TRADISIONAL

LELAKI DAN WANITA



LELAKI (BAJU MELAYU)

- Digalakkan memakai pada setiap hari Jumaat.
- Hendaklah dipakai lengkap bersampin, bersongkok hitam dan berbutang.
- Tidak dibenarkan dipakai dengan seluar *slack* atau seluar yang berbeza warna atau kain.
- Tidak dibenarkan dipakai dengan selipar melainkan untuk ke solat Jumaat.



WANITA

- Baju kurung atau kebaya hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak ketat dan dengan kelabuhan yang bersesuaian).
- Fesyen baju kurung dan baju kebaya hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang.
- Sut Punjabi, Sari dan Cheongsam (labuh) yang bersesuaian dari segi warna dan sopan.
- Sut Punjabi dan sari hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.

BAJU
KURUNG

BAJU
KEBAYA

CHEONGSAM

SARI

BAJU KORPORAT

LELAKI DAN WANITA



Pemakaian baju korporat adalah tertakluk kepada arahan dari masa ke masa
(MPT Bilangan 17/2021)

- Baju korporat bagi lelaki hendaklah dipakai dengan seluar *slack* berwarna gelap (Contoh: hitam/biru gelap)
- Baju korporat bagi wanita hendaklah dipakai dengan kain labuh atau seluar *slack* berwarna gelap (Contoh: hitam/biru gelap)
- Bagi wanita, baju korporat haruslah dipadankan dengan tudung yang bersesuaian warna atau tudung yang dibekalkan oleh ISN.
- Tanda Nama tidak perlu dipakai bersama

PAKAIAN SERAGAM

LELAKI DAN WANITA



PEGAwai
PERUBATAN

PENOLONG
PEGAwai
PERUBATAN

PEGAwai
PEMULIHAN
PERUBATAN

PEGAwai
FARMASI

JURURAWAT

JURU X-RAY



JURUTEKNOLOGI
MAKMAL
PERUBATAN

JURU URUT
SUKAN

PEMANDU/
PEMANDU
AMBULANS

PEMBANTU
OPERASI

- Pakaian seragam dibekalkan kepada pegawai/staf berdasarkan keperluan tugas bagi jawatan tertentu.
- Hendaklah dipakai dengan lengkap di pejabat dan sepanjang menjalankan tugas.
- Hendaklah dipakai dengan seluar *slack* berwarna gelap (hitam/biru gelap) bagi staf lelaki, dengan kain labuh atau seluar *slack* berwarna gelap (hitam/biru gelap) bagi staf wanita.
- Dipakai dengan kasut bertutup berwarna hitam.
- Bagi staf wanita, pakaian seragam haruslah dipadankan dengan warna atau corak tudung bersesuaian atau yang telah ditetapkan.

BAJU KORPORAT (LELAKI DAN WANITA)

GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

BAJU TEKNIKAL



1. Pegawai/staf yang dibekalkan baju teknikal hendaklah dipakai di pejabat dan sepanjang menjalankan tugas termasuk semasa lawatan tapak.
2. Pilihan warna seluar *slack* adalah warna hitam atau gelap.

BAJU SCRUB

1. Baju *Scrub* ini dipakai oleh pegawai perubatan atau penolong pegawai perubatan semasa melakukan prosedur perubatan.
2. Pilihan warna seluar *slack* adalah warna hitam atau gelap.



KASUT

FORMAL, SUKAN DAN SNEAKERS

FORMAL



LELAKI

- Bertutup, bersih dan berkilat
- Berwarna hitam/gelap
- Jenis kulit/PVC/setara
- Bertumit digalakkan (0.5' - 1.0')
- Stokin sepadan dengan seluar atau kasut

WANITA

- Bertutup
- Berwarna hitam/gelap
- Jenis kulit/PVC/setara
- Bertumit digalakkan (0.5' - 2.0')

Dipakai dengan sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit ●



SUKAN



Contoh kasut sukan



SNEAKERS



Kelonggaran pemakaian kepada
Pembantu Operasi/Pemandu)

TANDA NAMA DAN KAD AKSES PEJABAT

- Sentiasa memakai tanda nama serta kad akses pintu pejabat ketika dan semasa bertugas.
- Ukuran saiz tanda nama adalah 7.5cm (panjang) x 2.5cm (tinggi) dan berlatar belakang warna hitam serta tulisan putih (piawai sedia ada).
- Kad akses yang dibekalkan kepada semua pegawai/staf perlu sentiasa dipakai dan kehilangan kad tersebut boleh dikenakan denda.



TANDA NAMA

KAD AKSES





FESYEN PAKAIAN ALTERNATIF

FESYEN PAKAIAN ALTERNATIF BAGI PEGAWAI/STAF LELAKI

BIL	FESYEN	CONTOH	SYARAT
1.	Baju kemeja berlengan panjang	<p>Kemeja berkolar baju melayu cekak musang (berbutang tiga)</p>  <p>Pandangan hadapan</p> <p>Pandangan belakang</p> <p>Kemeja Berkolar Baju Melayu (Butang Tiga) dipadankan dengan kot</p>	Berseluar panjang. Lengan baju jangan dilipat. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (<i>tuck in</i>).
		<p>Kemeja berkolar baju melayu cekak musang (berbutang lima)</p>  <p>Pandangan hadapan</p> <p>Pandangan belakang</p> <p>Kemeja Berkolar Baju Melayu (Butang Lima) dipadankan dengan kot</p>	



FESYEN PAKAIAN ALTERNATIF

FESYEN PAKAIAN ALTERNATIF BAGI PEGAWAI/STAF LELAKI

BIL	FESYEN	CONTOH	SYARAT
2.	Baju kemeja berlengan panjang	<p>Kemeja Berkolar Nehru (Berbutang Terselindung)</p>  <p>Pandangan hadapan</p> <p>Pandangan belakang</p> <p>Kemeja Berkolar Nehru (Butang Terselindung) dipadankan dengan kot</p> <p>Kemeja Berkolar Mandarin (Berbutang Tiga)</p>  <p>Pandangan hadapan</p> <p>Pandangan belakang</p> <p>Kemeja Berkolar Mandarin dipadankan dengan kot</p>	<p>Berseluar panjang. Lengan baju jangan dilipat. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (<i>tuck in</i>).</p>

FESYEN PAKAIAN ALTERNATIF

FESYEN PAKAIAN ALTERNATIF BAGI PEGAWAI/STAF LELAKI

BIL	FESYEN	CONTOH	SYARAT
2.	Nehru sut (a) Berbutang hadapan;	<p style="text-align: center;">Nehru Sut (Berbutang Hadapan)</p>  <p style="text-align: center;">Pandangan hadapan Pandangan belakang</p>	Diperbuat dari jenis kain dan warna yang sesuai.
	(b) Berbutang terselindung	<p style="text-align: center;">Nehru Sut (Berbutang Terselindung)</p> 	

PERKARA YANG DILARANG

DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

LELAKI

KEPALA

- Menindik telinga.
- Rambut mencacak, punk atau *skinhead*.
- Janggut yang tidak kemas dan mencecah butang atas baju.
- Misai melebihi bahagian atas bibir.
- Berkepala botak tidak digalakkan KECUALI atas sebab genetik/kesihatan atau faktor keagamaan.
- Berikat rambut atau 'bertocang'.
- Memakai topi atau berkopiah putih.

BADAN

- Memakai tali leher berkarakter kartun atau karakter-karakter lain yang tidak sesuai.
- Memakai aksesori berlebihan.
- Berkuku panjang dan tidak bersih.
- Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam/baju korporat yang dibenarkan oleh pihak pengurusan untuk program aktiviti yang ditetapkan.
- Kemeja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar, atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah dan yang seumpamanya.
- Memakai *t-shirt* KECUALI yang dibenarkan.
- Seluar yang ketat/seluar *jeans*/seluar warna cerah.
- Tidak menjaga kebersihan diri

KAKI

- Memakai selipar atau kasut getah (kecuali atas sebab kesihatan).

CONTOH PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN

KETIKA DI PEJABAT

LARANGAN MEMAKAI SELUAR KARGO DAN JEANS



LARANGAN MEMAKAI SELUAR PENDEK

Seluar pendek melepasi paras lutut dibenarkan hanya untuk tugas di lapangan sahaja bagi bukan muslim. Sebelum/selepas tugas lapangan perlu memakai seluar panjang/*track-bottom*.



T-SHIRT SELAIN DARI YANG DIBENARKAN DAN WARNA KASUT YANG TERLALU TERANG SERTA BERWARNA WARNI



CONTOH PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN

KETIKA DI PEJABAT

WANITA



KEPALA

- Rambut yang tidak disikat rapi.
- Berambut panjang melebihi paras bahu yang tidak diikat rapi.

BADAN

- Berkuku panjang dan kotor.
- Baju yang terdedah di bahagian pinggang (*midriff*).
- Pakaian yang ketat, jarang, berleher luas atau fesyen yang tidak sesuai untuk ke pejabat (mencolok mata).
- Baju tanpa lengan atau lengan yang terlalu pendek.
- Seluar ketat/*tights*/*legging*/seluar *jeans*/jubah atau baju dari jenis kain yang melekap.
- Kemeja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar, atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucu dan yang seumpamanya.
- Memakai *t-shirt* selain dari yang dibenarkan.
- Memakai aksesori berlebihan.

KAKI

- Memakai selipar atau sandal yang tidak bersesuaian (kecuali atas sebab kesihatan dan pegawai/staf wanita yang mengandung).

TIPS TAMBAHAN

LELAKI DAN WANITA

LELAKI

- Bagi yang kurus, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur melintang supaya dapat memberi impresi tubuh yang sedikit berisi.
- Elakkan memakai kemeja daripada fabrik yang jarang dan berkilat.
- Adalah **DILARANG** untuk memakai seluar *jeans* dan kargo.
- Capal boleh dipakai bersama-sama baju melayu sahaja.

WANITA

- Bagi yang kurus, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur melintang atau berbunga besar supaya dapat memberi impresi tubuh yang sedikit berisi.
- *Skirt* labuh potongan pensil dapat memberi kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh.
- Wanita mengandung diwajibkan memakai pakaian mengandung yang labuh dan longgar supaya selesa. Memakai *blouse* melepasi paras punggung dan dipadankan dengan *skirt* labuh yang longgar, *maxi* dan jubah labuh adalah digalakkan.
- Wanita mengandung digalakkan memakai kasut bertumit rendah.
- Pemakaian jubah, sut muslimah, *blouse* dan *skirt* labuh/seluar hendaklah sopan serta bersesuaian.

TIPS TAMBAHAN

WANITA



Material jubah bukan dari jenis kain yang melekap dan menampakkan susuk tubuh

Skirt labuh potongan pensil



ASPEK KETERAMPILAN

POSTUR BADAN

Postur badan yang betul semasa duduk, berdiri dan berjalan.

KOMUNIKASI

- Sentiasa senyum
- Memberi salam
- Bercakap dengan sopan dan tertib
- Saling hormat-menghormati

PENUTUP

Garis Panduan Etika Berpakaian & Penampilan ke Pejabat ini digarap bagi memudahkan pemahaman dan panduan lengkap warga ISN mengenai etika dan tatacara berpakaian ke pejabat. Amalan berpakaian yang kemas adalah penting untuk menerapkan budaya kerja cemerlang dan unggul warga ISN.

Imej dan penampilan yang kemas, profesional dan beretika akan memberi persepsi positif dan keyakinan kepada pelanggan semasa berurusan dengan warga ISN pada setiap masa.

Peranan warga ISN dalam merealisasikan usaha ini adalah perlu selari dengan perubahan dan keperluan semasa dan bersedia memberikan yang terbaik demi ISN.

Disediakan Oleh:

Unit Integriti
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

dengan kerjasama:

Cawangan Dasar/Cawangan Komunikasi Korporat,
Bahagian Strategik Dan Pengkomersialan; dan

Cawangan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan

Institut Sukan Negara,
Kompleks Sukan Negara Malaysia,
Bukit Jalil,
57000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-8991 4400
Faks: 03-8996 8748
Laman sesawang: www.isn.gov.my

EDISI PERTAMA 2023

